



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PROFESIONALISME TENTERA DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PEMBANGUNAN POLITIK DI INDONESIA DAN THAILAND***

SUHAIMI BIN IBRAHIM

FEM 2013 27

**PROFESIONALISME TENTERA DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PEMBANGUNAN POLITIK DI INDONESIA DAN THAILAND**



Oleh

SUHAIMI BIN IBRAHIM

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2013

**Abstrak Tesis Yang Dikemukakan Kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

**PROFESIONALISME TENTERA DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PEMBANGUNAN POLITIK DI INDONESIA DAN THAILAND**

Oleh

SUHAIMI BIN IBRAHIM

Januari 2013

Pengerusi: Prof. Jayum A. Jawan, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Tesis ini mengkaji mengenai profesionalisme tentera di Indonesia dan Thailand. Tujuannya adalah untuk melihat peranan tentera dalam pembangunan politik semasa kedua-dua negara menghadapi krisis kewangan pada tahun 1997. Persoalan yang hendak dijawab ialah: sejauh manakah profesionalnya tentera di dua negara berkenaan sebelum dan semasa berlakunya krisis kewangan 1997? Selain itu, tujuan tesis ini adalah untuk menganalisis langkah dan strategi yang diambil oleh tentera kedua-dua negara bagi menjadi profesional sesuai dengan perubahan politik yang berlaku di negara masing-masing. Bagi mendapatkan dapatan yang sah, tesis ini menggunakan data primer yang dikutip melalui temu bual mendalam dengan sumber autoritatif, dan juga data sekunder yang diperolehi dari buku, jurnal, akhbar dan hasil kajian sarjana lepas. Bagi memandu tesis ini, kerangka konseptual profesionalisme tentera dan pembangunan politik digunakan sebagai alat analisis bagi diuji di kedua-dua negara yang diteliti. Dapatan kajian mendapati tiga hal penting. Pertama, tentera Indonesia dan Thailand sebelum berlakunya krisis kewangan 1997-1998 adalah tidak professional disebabkan oleh latar belakang sejarah yang kuat. Ini dapat dilihat dalam kes tentera Indonesia yang terlibat dalam kehidupan sosiopolitik sivil sejak sebelum kemerdekaan lagi sehingga sudah menjadi kebiasaan bagi mereka untuk turut serta dalam kehidupan politik sehari-hari. Manakala penglibatan tentera Thailand dapat dilihat sejak revolusi pada tahun 1932 lagi yang mengubah lanskap politik di negara tersebut sehingga memberikan ruang yang besar

bagi tentera berperanan dalam kehidupan sosiopolitik sivil. Kedua, reformasi politik 1998 berjaya mendorong tentera Indonesia menjadi tentera profesional, manakala goncangan politik yang berlaku di Thailand tidak berjaya mengubah perilaku tentera menjadi profesional. Ini kerana kejatuhan Soeharto akibat reformasi rakyat telah membuatkan tentera Indonesia kembali ke barak, manakala tentera Thailand masih turut campur tangan dalam kehidupan sosiopolitik sivil. Ketiga, strategi yang dijalankan oleh kerajaan Indonesia dan TNI tersusun dengan baik mulai daripada memisahkan tentera dengan kepolisan, memansuhkan fungsi teritorial tentera, melarang tentera berniaga, dan tidak memberi izin kepada tentera untuk terlibat aktif dalam kehidupan sosiopolitik sivil kecuali mereka menanggalkan pakaian tenteranya. Manakala di Thailand pula, tentera tidak berjaya melakukan transformasi politik kerana elit sivil selalu menarik tentera ke dalam sosiopolitik sivil. Akibatnya, profesionalisme tentera di Thailand tidak beranjak daripada penglibatannya dalam kehidupan sivil. Dengan dapatan tersebut, kajian ini menyumbang satu aspek penting bagi khazanah ilmu politik, iaitu profesionalisme tentera dapat dilaksanakan dan dilakukan atas inisiatif tentera itu sendiri, bukannya dari luar. Ini berlaku di Indonesia kerana tentera Indonesia memahami erti penting pelaksanaan demokrasi bagi pembangunan politik yang bertamadun di negara tersebut.

**Abstract Of Thesis Presented To The Senate Of Universiti Putra Malaysia In
Fulfilment Of The Requirement For The Degree Of Doctor Of Philosophy**

**MILITARY PROFESIONALISM AND ITS REALTIONS WITH POLITICAL
DEVELOPMENT IN INDONESIA AND THAILAND**

By

SUHAIMI BIN IBRAHIM

January 2013

Chairman: Prof. Jayum A. Jawan, PhD

Faculty: Human Ecology

This thesis examines military professionalism in Indonesia and Thailand. The aim is to see the role of the military in the political development of both countries especially during the financial crisis of 1997. The question that needed to be answered is: what is the extent to which the military of both countries were professionalism before and during the financial crisis of 1997? In addition, this thesis also seeks to analyze the measures and strategies taken by the Indonesian and Thai military in seeking to become professional in accordance with the political changes that were occurring in their respective countries. To obtain valid and reliable results, this thesis uses primary data collected through in-depth interviews with authoritative sources, as well as secondary data obtained from books, journals, newspapers and previous studies. To guide this thesis, a conceptual framework of military professionalism and political development are used as a tool of analysis. The result showed three important findings. First, the Indonesian and the Thai military lack professionalism before the financial crisis of 1997-1998 and this could be explained by their respective historical background. In Indonesia, the Indonesian military has been involved in the socio-political lives of the people and this began even before the country's independence. It therefore has become a tradition for the military to participate in daily political life of its citizens. However, in Thailand, the involvement of the military started with the 1932 revolution and it was this incident that changed the political landscape of the country because it provided a large space for the military to play an active role in the socio-political lives of its peoples. Second, the political reform in Indonesia in 1998

had pushed the military to become professional, while the political shake-up that occurred in Thailand did not transform the army into adopting a professional behavior. In Indonesia, the fall of Soeharto has caused the military to reform itself and go back to barracks, while the Thai military still intervenes in a civil socio-political life. Third, the strategy undertaken by the Indonesian government to separate the military from policing, to abolish the function of the Territorial Army, prohibits the military from being involved in business, and not giving permission to the military to participate actively in civil life unless they step out of their uniforms has made Indonesian military becoming increasingly more professional. In Thailand, the army did not experience political transformation because the civil elite are always interested in intervening in the socio-political lives of the people. As a result, military professionalism in Thailand does not shift away from its involvement in civil life. With these findings, this study contributes an important aspect to the body of political knowledge, that is military professionalism can be implemented and executed on the initiative of the army itself, rather than from outside. This happened in Indonesia because the Indonesian military understand the significance of democracy for the political development of civilized nations.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Dalam usaha menyiapkan tesis ini, saya harus akui ia bukanlah tugas yang mudah. Banyak cabaran dan dugaan yang harus ditempuhi, apatah lagi saya adalah pelajar separuh masa yang terpaksa menjalankan dua tugas serentak sebagai mahasiswa dan juga sebagai Setiausaha Politik kepada seorang Menteri. Namun, syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana atas segala rahmat dan hidayahNya, dapat juga saya sempurnakan pengembaraan akademik ini. Insya-Allah, segala apa juga ilmu yang sempat saya pelajari dari pengembaraan akademik yang panjang ini akan saya amalkan sebagai bentuk tanggungjawab dan amal ibadah guna membangunkan negara, bangsa dan agama.

Tentunya penyelidikan ini tidak akan sempurna jika saya tidak menerima bantuan dari banyak pihak. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang langsung mahupun tidak langsung turut membantu dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Pertama, saya merakamkan penghargaan ini kepada arwah ibu dan ayah yang telah pergi buat selama-lamanya tanpa dapat menyaksikan kejayaan anaknya. Mungkin arwah bonda tidak pernah terfikir saya akan meneruskan pengajian ke peringkat ini, namun atas keinginan arwah ibu dan ayah untuk melihat saya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi, maka biarpun sibuk dengan tugas sebagai ahli politik, saya teruskan juga usaha ini bagi membuktikan dengan usaha dan keazaman, saya akhirnya boleh menyelesaikan tesis ini. Saya ingin buktikan kegigihan arwah ibu dan ayah mencari nafkah tanpa kenal lelah dulunya untuk memastikan saya dapat bersekolah tidak saya sia-siakan. Walaupun agak lambat untuk mencapai kelulusan ini, namun contoh kegigihan dan semangat ibu dan ayah adalah pendorong saya. Oleh itu, saya bersyukur kerana dapat mempersembahkan tesis yang sederhana ini. Sekali lagi, terima kasih ibu dan ayah atas doa restunya mendidik, mengasuh dan membelai saya menjadi anak yang berguna bagi orang tua, agama, nusa dan bangsa.

Kedua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penyelia saya, Prof. Dr Jayum Jawan dan Prof Madya Dr Zaid Ahmad atas bantuan dan jerih payah mereka membaca kata demi kata, memperbaiki ayat demi ayat, menyusun semula ide saya yang berselerak, dan menguatkan hujah yang bernas sehingga menjadi sebuah tesis yang sekarang saya persembahkan. Saya percaya keikhlasan mereka memberikan ilmu pengetahuan dan mengongsi falsafah kehidupan dengan saya telah sedikit sebanyak mempengaruhi cara saya berfikir untuk memaknai kehidupan ini. Dengan segala kerendahan hati, saya mengucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada mereka. Pengalaman ini sangat bererti bagi saya memahami bahawa ilmu harus dipelajari di mana saja kita berada. Semoga semua bantuan yang telah diberikan menjadi amal ibadah bagi mereka berdua di kemudian hari dan bermanfaat bagi saya untuk meneruskan “kembara ilmu” sebagai seorang ahli politik.

Selanjutnya saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak di Universiti Putra Malaysia, terutamanya Dekan Fakulti Ekologi Manusia (FEM), dan Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyelesaikan pendidikan PhD ini. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada pensyarah dan kakitangan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan kerana sudi memberikan komen, teguran dan pandangan yang berharga semasa sesi seminar dan pembentangan kertas penyelidikan saya diadakan. Sesungguhnya saya harus akui kesemua teguran dan panduan yang diberikan amat berharga sekali bagi saya untuk mengemaskan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada kawan-kawan di Malaysia, Indonesia dan Thailand yang banyak membantu dalam menyempurnakan temu bual saya dengan informan terpilih bagi melengkapkan penyelidikan ini.

Saya juga terhutang budi kepada rakan sepengajian di UPM yang sudi berdiskusi dan memberikan masukan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Perbincangan dengan mereka membuka minda saya untuk memahami dengan lebih mendalam lagi kajian yang saya lakukan ini. Sekadar untuk menyebutkan beberapa nama, antaranya ialah Azmi Awang, Dori Efendi dan banyak lagi namanya yang terlalu panjang untuk disebutkan. Di Indonesia, saya mendapat kerjasama dan bantuan yang penuh dari Dr Leo Agustino, Dr Asrinaldi dan Dr Hamka Hendra Noer untuk menguruskan temu janji dan temu bual saya dengan tokoh-tokoh politik dan pemimpin tertinggi tentera. Di selatan Thailand, saya juga mendapat masukan yang berharga dari Mahamad Ahmad, Wae Dollah, Kadae Che Mael dan banyak lagi. Atas segala bantuan dan sokongan mereka, tiada apa yang dapat saya katakan melainkan sekalung ucapan terima kasih untuk semuanya.

Akhirnya, saya amat terhutang budi dan perasaan yang dalam kepada isteri, anak dan keluarga yang selama ini sentiasa memberi galakan dan semangat kepada saya. Dalam kesunyiannya, di satu sisi mereka memahami kesibukan saya sebagai seorang mahasiswa dan ahli politik yang bertungkus lumus dengan buku, jurnal, monograf, dokumen, dan di satu sisi yang lain, mereka juga memahami kesibukan saya melayani rakyat yang ingin berjumpa serta tugas pejabat lainnya. Saya menyedari begitu banyak kebersamaan yang semestinya kami bina, namun hilang ditelan masa kerana saya harus menyelesaikan tesis ini. Untuk itu saya mohon maaf dan Insya-Allah saya akan menebusnya semula selepas urusan pengajian ini selesai.

Walaupun banyak pihak yang telah ikut memberi sumbangan kepada tesis ini, namun sekiranya terdapat kelemahan, maka saya bertanggungjawab ke atas itu semua kerana keterbatasan ilmu yang saya miliki. Saya menyedari tesis ini jauh dari sempurna. Oleh itu, saya mengharapkan teguran dan saranan perbaikan yang bermanfaat bagi kesempurnaan tesis ini sehingga berguna bagi pengembangan ilmu pengetahuan seterusnya. Kepada Allah jualah kembali semua urusan. Terima kasih!

SUHAIMI IBRAHIM

No. 20, Jalan 11/23B

Danau Kota

53300 Setapak

KUALA LUMPUR

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 30 Januari 2013 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi SUHAIMI BIN IBRAHIM untuk menilai tesis PhD beliau bertajuk “Profesionalisme Tentera dan Hubngannya dengan Pembangunan Politik di Indonesia dan Thailand” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Sarjit Singh Darshan Singh, PhD

Prof. Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rzazak Abdul Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Adlina Hj Abd. Halim, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Samsu Adabi Mamat, PhD

Prof. Madya Dato'
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

SEOW HENG FONG, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: Februari 2013

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Jayum A. Jawan, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaid Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)


BUJANG BIN KIM HUAT

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



.....
SUHAIMI BIN IBRAHIM

Tarikh: 30 Januari 2013

KANDUNGAN

		Halaman
ABSTRAK		ii
ABSTRACT		iv
PENGHARGAAN		vi
PENGESAHAN		viii
PERAKUAN		x
KANDUNGAN		xi
SENARAI SINGKATAN		xiii
SENARAI JADUAL		xv
BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Tujuan Kajian	8
1.4	Skop Kajian	9
1.5	Sorotan Kajian Lepas	12
	1.5.1 Profesionalisme tentera di negara maju	13
	1.5.2 Profesionalisme tentera di negara sedang membangun	20
	1.5.3 Profesionalisme tentera Indonesia	30
	1.5.4 Profesionalisme tentera Thailand	43
1.6	Kepentingan Kajian	49
1.7	Kaedah Penyelidikan	51
1.8	Pembahagian Bab	54
BAB II	PROFESIONALISME TENTERA DAN PEMBANGUNAN POLITIK: PERDEBATAN KONSEP TANPA AKHIR	59
2.1	Pengenalan	59
2.2	Profesionalisme Tentera: Suatu Analisis Konseptual	60
2.3	Pembangunan Politik: Hubungannya Dengan Profesionalisme Tentera dan Proses Pendemokrasian	77
2.4	Kerangka Kajian	92
2.5	Rumusan	99
BAB III	TENTERA DALAM POLITIK DI INDONESIA DAN THAILAND: SUSUR GALUR KETIDAKPROFESIONALAN	102
3.1	Pengenalan	102
3.2	Peranan Tentera dalam Politik Indonesia: Dari Zaman Kemerdekaan ke Orde Baru	103
3.3	Peranan Tentera dalam Politik Thailand: Dari Kudeta ke Krisis Kewangan	132
3.4	Reaksi Rakyat Indonesia dan Thailand ke atas Penglibatan Tentera Dalam Politik	151
3.5	Rumusan	161

BAB IV	PERUBAHAN POLITIK DAN REFORMASI TENTERA INDONESIA	164
4.1	Pengenalan	164
4.2	Politik Indonesia dan Perubahan Fungsi Tentera Selepas Orde Baru	165
4.3	Paradigma Baru dan Reformasi Dalam TNI	176
4.4	Selepas Paradigma Baru: Perubahan Peranan dan Profesionalisme Tentera	190
4.5	Rumusan	202
BAB V	PROFESIONALISME TENTERA THAILAND SELEPAS KRISIS KEWANGAN: TRANSFORMASI ATAU <i>STATUS QUO</i>?	204
5.1	Pengenalan	204
5.2	Politik Tentera Thailand: Dari Kudeta ke Kudeta	204
5.3	Politik Thailand di bawah Pemerintahan Thaksin	218
5.4	Strategi dan Perubahan ke arah Pendemokrasian	229
5.5	Profesionalisme Tentera dan Pendemokrasian di Thailand	251
5.6	Rumusan	260
BAB VI	PROFESIONALISME TENTERA DAN PENDEMOKRASIAN INDONESIA DAN THAILAND SELEPAS KRISIS KEWANGAN	262
6.1	Pengenalan	262
6.2	Perubahan Politik Tentera Pasca Krisis Kewangan 1997	263
6.3	Profesionalisme Tentera dan Hubungan Sivil-Tentera	289
6.4	Profesionalisme Tentera dan Pendemokrasian Politik	301
6.5	Rumusan	309
BAB VII	KESIMPULAN	312
7.1	Pengenalan	312
7.2	Dapatan Kajian Tesis Ini	313
7.3	Persamaan dan Perbezaan Antara Tentera Indonesia dan Thailand	318
7.4	Penutup dan Cadangan bagi Penyelidik Seterusnya	329
	RUJUKAN	335
	LAMPIRAN 1	360
	LAMPIRAN 2	362
	BIODATA PELAJAR	

